

PKPS buka ladang sawit 335 hektar

muka 3



219 penduduk Kampung Sri Indah terima geran tanah

muka 10

KENALI ADUN ANDA
NOOR HANIM ISMAIL
N29 Seri Serdang

muka 6&7



IMARAH...
DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan berangkat bersama rakyat melihat majlis korban, selepas selesai menunaikan solat sunat Aidiladha, anjuran Kerajaan Negeri di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam. Sebanyak 39 ekor lembu, termasuk dua sumbangan Baginda dikorbankan di masjid ini. Manakala, Kerajaan Negeri menyumbangkan 753 ekor lembu untuk diagihkan ke setiap daerah dan masjid



KRONOLOGI (2013)
SYABAS VS SELANGOR

- 15 Julai** Syabas mendakwa rizab air terawat pada paras krisis 2%, dan mencadangkan catuan.
- 16 Julai** Kerajaan Negeri mendakwa krisis adalah tidak berasas. Kemuka pelan ambil alih syarikat.
- 18 Julai** Kerajaan Negeri umum penubuhan jawatankuasa air dan penyusunan semula kepimpinan Syabas.
- 19 Julai** Kerajaan Pusat bentuk jawatankuasa kabinet khas berkenaan isu air.
- 23 Julai** Jawatankuasa kabinet khas halang Selangor ambil alih Syabas. Jawatankuasa juga mengumumkan catuan tidak diperlukan.

SYABAS sabotaj ekonomi Selangor?

HASIL kajian Pusat Kajian Sosio-Ekonomi (SERC) ke atas laporan media sekitar isu air Selangor menunjukkan Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) menolak

Pengumuman Kerajaan Pusat bahawa catuan air tidak perlu dilaksanakan setakat ini, bermakna ada bekalan air terawat yang mencukupi untuk pelanggan Syabas, sama ada kediaman atau industri

atau menanggukkan permohonan daripada lebih 1,000 pengusaha industri yang mahu mendirikan kilang di negeri ini.

Perkara itu disebut Pengerusi Gerakan Prihatin Rakyat Selangor (GPRS), Datuk Sohaimi Shahadan dalam satu kenyataan kepada agensi berita Bernama.

Menurut Sohaimi, syarikat konsesi itu berbuat demikian atas dakwaan Selangor menghadapi kekurangan air terawat yang serius.

Syabas sebelum itu mencadangkan catuan bagi menghadapi krisis seperti yang didakwa mereka.

Kerajaan Pusat bagaimanapun berkata catuan tidak diperlukan.

manapun berkata catuan tidak diperlukan.

“Pengumuman Kerajaan Pusat bahawa catuan air tidak perlu dilaksanakan setakat ini, bermakna ada bekalan air terawat yang mencukupi untuk pelanggan Syabas, sama ada kediaman atau industri,” tegas laporan SERC itu.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata Selangor tidak berada dalam krisis.

Beliau menolak langkah catuan, sebaliknya menggesa Syabas membekalkan air kepada kawasan-kawasan yang mengalami gangguan.

Lihat Muka 2 >>

Syabas punca 'krisis'?

PENGGUNA Selangor boleh menikmati bekalan air terawat berterusan sekiranya perkhidmatan bekalan air diurus tadbir oleh pengurusan yang responsif dan profesional.

Kajian Pusat Kajian Sosio-Ekonomi (SERC) menunjukkan Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) tidak dapat memenuhi permintaan untuk air terawat atas sebab-sebab misteri, kerana kapasiti air terawat bukan sahaja melebihi permintaan, tetapi permintaan juga konsisten dengan jumlah yang dibekalkan setakat ini.

"Unjuran permintaan untuk air terawat ialah 4,130 juta liter sehari (jls) pada 2012. Angka ini sama konsisten dengan jumlah yang dibekalkan Syabas buat masa ini, iaitu pada 4,333 jls," menurut SERC, berdasarkan kepada kaji selidik Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, dan Jabatan Pengairan dan Saliran.

Menurut kajian itu lagi, tren menunjukkan peningkatan 1.7 peratus setahun sejak 2005. Kapasiti output sedia ada dari kesemua 35 loji rawatan air menghasilkan 4,960 jls, iaitu lebih 487 jls daripada permintaan.

"Sekiranya permintaan diunjurkan bertambah pada paras 1.7 setahun, masih ada bekalan air terawat yang mencukupi untuk 4 tahun lagi, atau sehingga 2016," menurut SERC.

Sekiranya begitu, di mana krisis air yang dimaksudkan? Menurut angka yang disediakan Pejabat Menteri Besar Selangor, hanya 2,944 jls air terawat yang sampai ke tangan pengguna. Kira-kira 1,389 jls atau 32 peratus dari air yang dibekalkan Syabas 'hilang' (Air Tanpa Hasil atau NRW).

"Syabas harus mengurangkan NRW dari 32 peratus sedia ada kepada 5 peratus setiap tahun sehingga paras NRW mencapai 10 peratus pada 2016.

Langkah ini sahaja boleh meningkatkan jumlah air terawat yang boleh dibekalkan sebanyak 1,091 jls," tegas SERC.

Menurut SERC, paras 10 peratus menjamin bekalan mencukupi untuk Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya untuk sedekad lagi.

Bekalan air terawat berterusan hingga 2022

LANGKAH mitigasi yang dilaksanakan Kerajaan Negeri dijangka memastikan pembekalan air terawat yang berterusan untuk sedekad lagi, iaitu sehingga 2022. Projek mitigasi itu dijangka siap tahun ini.

Antara langkah mitigasi yang diambil adalah pemulihan loji rawatan air Bukit Jelutong yang telah ditutup. Ini dijangka

Kajian yang dijalankan firma kaji selidik Enrico mendapati kesemua 29 loji rawatan air yang diurus Puncak Niaga tidak beroperasi di paras optima. Kira-kira 18 loji itu perlu dibaikpulih dan dinaik taraf

menaikkan takat rizab air sehingga 851 juta liter sehari (jls). Penggunaan teknologi membran akan meningkatkan penghasilan air terawat sebanyak 100 jls lagi.

Pusat Kajian Sosio-Ekonomi (SERC) bagaimanapun menggesa Kerajaan Negeri supaya lebih tegas bertindak memastikan penyelenggaraan loji rawatan dan paip yang lebih ketat.

"Kajian yang dijalankan firma kaji selidik Enrico mendapati kesemua 29 loji rawatan air yang diurus Puncak Niaga tidak beroperasi di paras optima. Kira-kira 18 loji itu perlu dibaikpulih dan dinaik taraf," saran SERC.

Badan tersebut menggesa Kerajaan Negeri supaya mengatasi pencemaran air di sungai-sungai utama di Selangor, terutamanya di Semenyih dan di Langat. Pencemaran di



Selangor telah mengambil langkah mitigasi memastikan bekalan berterusan

sungai-sungai itu menyebabkan jumlah bekalan air mentah berkurangan.

"Sehingga April 2012, sekurang-kurangnya 13 kejadian henti tugas di loji-loji rawatan akibat paras pencemaran yang tinggi," menurut laporan itu.

Punca pencemaran dikenal pasti daripada aktiviti perki-

langan, ladang ayam dan itik, tumpahan minyak dan perlombongan pasir.

Kerajaan Negeri juga diminta menguatkuasakan undang-undang menghukum pencemar sungai, mengekang pencurian air dan penyelewengan, dan memindahkan kilang-kilang ke kawasan yang sesuai.

<< Dari muka 1

SYABAS tidak prihatin masalah pengguna

PRASARANA AIR SELANGOR

EMPANGAN

Kerajaan Negeri

RAWATAN

Puncak Niaga/Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor (Splash)/Konsortium Abass

PEMBEKALAN

Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas)*

"Bagi kawasan yang menghadapi gangguan begini, Syabas dikehendaki membekalkan bekalan air ke kawasan berkenaan. Bukanlah catuan. Kita minta Syabas tangani masalah itu supaya pengguna tidak menghadapi masalah," tegas beliau.

Antara kes yang pernah dilaporkan, ialah permohonan bekalan air daripada pengusaha

sarung tangan getah terbesar di dunia, Top Glove Corporation, yang ditolak Syabas. Para pemaju turut mengeluh kerana permohonan mereka juga ditolak.

Bahkan, syarikat pengusaha barangan, F&N, menanggung kerugian besar kerana Syabas tidak membekalkan air selama lima hari kepada kilang F&N di Pulau Indah.

LOJI RAWATAN AIR DI SELANGOR

SYARIKAT	LOJI	KAPASITI
Puncak Niaga	29	1,909 jls air terawat
Splash	3	2,000 jls air terawat
Abass	3	951 jls air terawat

*Puncak Niaga turut memiliki Syabas

JLS: Juta Liter Sehari

OLEH AFIX REDZUAN

SUNGAI BESAR - Projek Tanaman Sawit Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) bukan sahaja membawa pulangan lumayan untuk Kerajaan Negeri, tetapi memberi manfaat berganda kepada penduduk setempat, pekebun sawit kecil-kecilan dan pemeliharaan alam sekitar.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata demikian di majlis perasmian Projek Tanaman Sawit PKPS di Jelutong Jati, Sabak Bernam, 10 Oktober lepas. Projek ini diusahakan di tanah berkeluasan 425 ekar di Mukim Sungai Panjang.

Menurut beliau, projek ini bukan sahaja mahu memperkuat agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES), tetapi juga peduli kepada keperluan pekebun sawit dan keprihatinan aktivis alam sekitar yang bimbang impak projek ini ke atas Hutan Simpan Sungai Karang.

"Menerusi Projek Tanaman Sawit ini, kerajaan Selangor mendapat hasil pajakan sebanyak RM5 juta bagi setiap pusingan tanaman sawit. Semua keuntungan daripada projek-projek agensi Kerajaan Negeri bakal kita agihkan kepada rakyat menerusi agensi MES," kata Abdul Khalid.

Serentak dengan itu adalah pembinaan kilang sawit dengan kapasiti 30 ton setiap jam yang akan beroperasi pada 2016.

Menurut Abdul Khalid, pihaknya belajar daripada keluhan peneroka-peneroka Felda

Projek Sawit Jelutong Jati, pintar dan mesra alam



Menteri Besar menanam anak pokok kelapa sawit sebagai tanda perasmian Ladang PKPS Sungai Panjang

untuk memastikan projek ini benar-benar memanfaatkan semua pihak berkepentingan.

"Jika usaha ini dijayakan saya yakin kalangan pekebun kecil sawit di sekitar Sabak Bernam bakal mendapat manfaat harga penjualan buah tandan segar yang lebih munasabah daripada

harga sekarang," katanya.

"Di samping itu, projek ini dapat menyediakan peluang perniagaan dan pekerjaan kepada penduduk setempat. Hasil pertama dijangka mula dituai pada Mac 2016," tambah beliau.

Untuk mengawal ancaman tikus dan kumbang badak, PKPS

akan menggunakan membina rumah-rumah untuk burung hantu dan perangkap feromon untuk mengurangkan penggunaan racun kimia.

Berhubung kebimbangan aktivis alam sekitar, Pengurus Besar Kumpulan PKPS, Ali Ahmad, berkata pihaknya akan memastikan bekalan air mencukupi untuk menangani bencana kebakaran sekiranya berlaku.

"Kita punya kunci air di jalan menghala Sungai Besar yang

akan mengawal paras air, supaya tidak rendah.

"Kita akan kawal menggunakan culvert (struktur yang membolehkan air mengalir bawah halangan) jalan kerajaan," katanya.

Sebagai persediaan, PKPS memutuskan untuk melaksanakan dasar tiada pembakaran terbuka dan menubuhkan dua Rapid Fire Team yang dilatih jabatan bomba, serta menempatkan pekerja di ladang sawit untuk pemantauan berterusan.



Menteri Besar memberi susu kepada anak lembu baka Fresien yang terdapat di ladang lembu milik PKPS



Antara barisan Exco dan Adun yang turut hadir

JALINAN UKHUWAH ADILADHA



DUSUN TUA



GOMBAK SETIA



BATU TIGA



TAMAN MEDAN



HULU KELANG

MASJID NEGERI

PEMIMPIN DAN RAKYAT SELANGOR





NOOR HANIM ISMAIL N.29 ADUN Seri Serdang

Tarikh Lahir : 5 OKTOBER 1962
Nama Suami : Sapiyan Mohd Din
Cahaya Mata : 5 Orang (3 Lelaki, 2 Perempuan)

KELULUSAN AKADEMIK

Diploma In Business And Management Swansea Institute (An Associated Institution Of The University Of Wales) 1996

PENGLIBATAN POLITIK

- Bendahari Lajnah Perpaduan Nasional Dewan Muslimat Pas Pusat (Kini)
- Bendahari Lajnah Perpaduan Nasional Badan Perhubungan Negeri Selangor (Kini)
- Bendahari Pas Puchong (2010-Kini)
- Ketua Muslimat Pas Puchong (1999-2010)
- Lajnah Pendidikan Badan Perhubungan Negeri Selangor (Kini)

AKTIVITI KEMASYARAKATAN

- Koordinator Pembangunan Modal Insan DUN Seri Serdang (2008-Kini)
- Ketua Muslimat Masjid As-Salam, Puchong Perdana (2008-Kini)

AKTIVITI PENDIDIKAN

- YDP PIBG Sek.Keb Puchong Perdana (1997-2000)
- Pengerusi Kebajikan PIBG Sek.Ren Agama Bt.13 Puchong (1996-Kini)
- Pengerusi Kebajikan PIBG Sek.Keb Puchong Indah (2006-Mac 2013)
- Pengerusi Pendidikan JKP Zon 13 MPSJ

AKTIVITI NGO

- Pengerusi Biro Penerangan Persatuan Persaudaraan Muslimah Malaysia - SALIMAH (Kini)
- Pengerusi Biro Dakwah dan Pendidikan Negeri Selangor (Kini)

PROGRAM KEMASYARAKATAN

- Aktivistis Kempen Kesedaran Kanser (IKP ZON 13 MPSJ)
- Motivator Jemputan Sekolah dan IPTA
- Aktivistis kempen Selamatkan Zuriat Kita

Angkat maruah ibu tunggal



OLEH NAEEM RAFFI

MASALAH ekonomi, sosial dan psikologi, itu antara dilema yang ditempuh setiap wanita yang bergelar 'ibu tunggal'. Mereka berkorban dan berhempas-pulas mencari rezeki, sambil melunaskan tanggungjawab mendidik dan membesarkan anak-anak.

Prihatin dengan nasib golongan ini, Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) Seri Serdang akan memperkenalkan program 'Ibu Tunggal : Ibu Yang Unggul'.

"PKM dalam usaha mengumpul data yang lengkap berhubung ibu tunggal di DUN ini.

"Setakat ini, kita berjaya mengenali pasti sekurang-kurangnya 3,000 ibu tunggal berada dalam DUN Seri Serdang," ujar Adun Seri Serdang, Noor Hanim Ismail.

Mengulas lanjut, menerusi program itu nanti, setiap ibu tunggal akan diberi pengisian keagamaan, pendidikan dan motivasi sebagai persediaan menempuh hari depan.

"Sebagai Adun wanita, saya terpengil untuk beri perhatian khusus kepada mereka. Ini juga merupakan tanggungjawab bagi memastikan setiap golongan dan lapisan



“

Ini juga merupakan program pembentukan insan. Kita mahu buktikan golongan ini mampu berdikari, berilmu dan sekaligus memadamkan persepsi negatif sesetengah masyarakat terhadap mereka

rakyat di kawasan saya menerima manfaat dan kebajikan.

"Golongan ini perlu diberi perhatian dan sokongan dari sudut pengisian ilmu keagamaan dan kemahiran dalam mendepani pelba-

gai cabaran," jelasnya.

Beliau menambah, antara lain program itu juga bertujuan mengangkat martabat ibu tunggal yang selama ini dipandang serong oleh sesetengah masyarakat.

"Ini juga merupakan program pembentukan insan. Kita mahu buktikan golongan ini mampu berdikari, berilmu dan sekaligus memadamkan persepsi negatif sesetengah masyarakat terhadap mereka.

"Sedia maklum, ibu tunggal ini dilabel dengan pelbagai gelaran dan ada di kalangan anggota masyarakat seakan memandangi rendah terhadap mereka. Apa yang diharapkan, selepas ini semua melihat ibu tunggal adalah ibu yang unggul," jelasnya.

Kerja keras tawan pemimpin Umno

MENUMBANGKAN pemimpin veteran Umno Selangor sememangnya amat mencabar, lebih-lebih lagi bagi wanita yang dianggap golongan yang lemah.

Namun, kecekalan dan kebijaksanaan Noor Hanim dan jentera Pakatan Rakyat (PR), berjaya memastikan DUN Seri Serdang bertukar warna.

Siapa sangka Ketua Pembangkang Selangor pada masa itu, Datuk Dr Mohamad Satim Diman, akan tumbang dalam kubu kuatnya?

“Gerak kerja kebajikan itu bukan projek pilihan raya, ia adalah kerja berpanjangan dan lebih 10 tahun kita lakukan gerak kerja mendekati rakyat dengan pelbagai program bermanfaat dan kebajikan,” katanya.

Noor Hanim berkata, beliau membulatkan tekad menjaga kebajikan semua lapisan masyarakat tanpa mengira ka-um dan fahaman politik.

Beliau akui kemampuan kewangan dan tenaga yang terhad berbanding pihak lawan mendorong PR mencari penyelesaian kreatif dan menyeluruh ketika menghadapi permasalahan rakyat yang pelbagai.

“Suka saya katakan, program kebajikan yang kami berikan selama ini berjaya memupuk kesedaran di kalangan rakyat bahawa betapa pentingnya di bawah satu pentadbiran yang telus dan jujur,” jelasnya.

Pada Pilihan Raya Umum (PRU) lalu, Noor Hanim yang bertanding di bawah tiket PAS menang dengan majoriti 16,251 undi dan mendapat 39,373 undi-an, mengalahkan calon BN, Mohamed Yusof Mohamed Yassin yang mendapat 23,486 undi.

Sebelum ini, kerusi DUN Seri Serdang dipegang bekas Ketua Pembangkang, Datuk Seri Satim Diman yang menang dengan majoriti 45 undi PRU-12.

“

Gerak kerja kebajikan itu bukan projek pilihanraya, ia adalah kerja berpanjangan dan lebih 10 tahun kita telah melakukan gerak kerja mendekati dan menyantuni rakyat dengan pelbagai program bermanfaat dan kebajikan kepada mereka

STATISTIK PROGRAM (MES) N29 SERI SERDANG

SKIM MESRA USIA EMAS - SMUE (2008-SEKARANG)

Ahli Berdaftar	3,165
Ahli yang telah menerima manfaat	640 (Khairat Kematian)

STATISTIK JOM SHOPPING - WARGA EMAS

Ahli berdaftar	2,691
Ahli yang telah menerima manfaat	985

STATISTIK JOM SHOPPING - IBU TUNGGAL (FEB 2013- SEKARANG)

Ahli berdaftar	224
Ahli yang telah menerima manfaat	45

KASEH berjaya pupuk kemesraan penduduk



Noor Hanim meraikan tetamu yang hadir pada Majlis Rumah Terbuka DUN Seri Serdang

PUSAT Khidmat Masyarakat DUN Seri Serdang akan terus menganjurkan program Kembara Amal Semarak Hijau (Kaseh) dalam usaha memberi bantuan kepada yang memerlukan.

Program mesra rakyat ini merupakan wadah pertemuan antara pemimpin dan rakyat yang dilakukan sejak 2010.

Noor Hanim, berkata Kaseh akan terus dijalankan di DUN Seri Serdang memandangkan penganjuran sebelum ini berjaya mengeratkan hubungan bersama rakyat.

“Penggalaan, kita berjaya adakan tujuh kali. Melalui Kaseh, penduduk di sini semakin dekat dan menyokong kuat Pakatan Rakyat (PR) dan hasilnya kerusi bekas ketua pembangkang Selangor ini diberi kepada PR,” katanya.

Namun, Hanim menjangkakan ia akan dianjurkan pada tahun kedua penggal ini.

“Buat masa ini, saya lebih tumpu soal memperkasa rakyat dari sudut ekonomi, pendidikan dan peluang pekerjaan kerana itu sahaja cara untuk keluaran mereka dari kemiskinan,” ujarnya.

Kaseh adalah program sehari yang merangkumi penglibatan semua kaum dari setiap peringkat usia dengan penganjuran pelbagai aktiviti.

Kaseh juga dimuatkan dengan bengkel Smart Solat, sukaneka, pemeriksaan kesihatan percuma dan pendaftaran skim Kerajaan Negeri, Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES), selain memberi sumbangan kepada mereka yang memerlukan.

Tanggungjawab merentasi semua bendera politik

KEMATIAN adalah sesuatu yang pasti, kerana ia merupakan titik permulaan kepada kehidupan yang kekal abadi bagi umat Islam.

Menyedari hakikat itu, Noor Hanim bercadang menganjurkan program ‘Pengurusan Jenazah’ di kalangan masyarakat Islam di DUN beliau.

“Menyempurnakan jenazah bukanlah perkara mudah. Ia memerlukan ilmu pengetahuan bagi memastikan jenazah dapat diuruskan dan disemadi dengan sempurna.

“Apatah lagi kematian berlaku tanpa diduga itu adalah kali pertama buat waris dan ahli keluarga,” ujarnya.

Selaku pemimpin masyarakat, Noor Hanim mengakui tidak kekok menguruskan jenazah Muslimat di DUNnya dan sentiasa berlampang dada membantu keluarga yang memerlukan pertolongan.

“Sebelum jadi Adun pun, saya selalu

uruskan jenazah Muslimat di sini. Untuk jenazah Muslimin saya akan bersama-sama jemaah solatkan jenazahnya.

“Sebelum ini saya adalah Ketua Muslimah Masjid As-Salam di Puchong Perdana. Dengan pengalaman 15 tahun menguruskan jenazah ini, membuatkan saya tidak kekok untuk terus mengalas tanggungjawab itu,” jelasnya.

Menceritakan pengalamannya, Noor Hanim berkata dirinya telah menguruskan lebih 30 jenazah muslimat di DUN itu tanpa mengira ideologi politik, malah berpendapat soal kematian dan pengurusan jenazah adalah tanggungjawab sesama Islam.

“Dalam satu peristiwa, selepas dua minggu kemenangan saya di DUN ini, berlaku



kematian di tempat kediaman Bekas Ketua Pembangkang (Datuk Satim Diman). Saya hadir untuk solatkan jenazah, wanita Umno yang ada disitu juga terkejut melihat saya dan Muslimah PAS yang lain di sana.

Selangor Kini

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT: Faekah Husin
Arfa'eza Abdul Aziz

KETUA PENGARANG:
Fazallah Pit

PENGARANG BERITA: Hafizh Mokhtar

PEMBANTU PENGARANG: Rusidah Salim

WARTAWAN:
Afeeqa Afeera: afeeqa_afeera@yahoo.com,
Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com,
Lizawati Madfa, Norhayati Umor:
chayunkyatt@gmail.com Siraj Mohd Zaini,
Naeem Raffi: naemraffi85@gmail.com

JURU GAMBAR: Raheemie Arifin,
Shuaib Ayob & Asri Sapfie

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites
No 1, Persiaran Akuatik 13/43,
Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor
Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856
Emel: newsselangorkini@gmail.com

▶ **PROGRAM Sukaneka dan Kempen Membaca anjuran Kerajaan Negeri Selangor bersama Ketua Kampung Sri Indah serta Ahli Majlis MPS, mendapat sambutan menggalakan daripada penduduk setempat. Hadir sama memeriahkan program, Adun Paya Jaras, Khairuddin Othman**



▶ **PENGURUS Pejabat DUN Sabak, Firdaus Ahmad Nor, yang mewakili Adun Sabak, Sallehen Mukhyi, menyampaikan sumbangan bagi pembelian mesin photostat untuk kegunaan Sekolah Rendah Agama Pekan Sabak, Batu 1, Tebuk Pulau**



▶ **EXCO Kesihatan, Pembangunan Usahawan, Sains, Teknologi dan Inovasi, Dr Daroyah Alwi bergambar kenangan bersama pelajar Maahad Tahfiz Istiqomatuddin selepas merasmikan kejohanan sukan tahunan dan hari keluarga institusi berkenaan**



▶ **ADUN Kuala Kubu Bharu, Lee Kee Hiong, bersama pemenang pada Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Fotografi 'Pemandangan Indah Kuala Kubu Bharu' di Eu Yan Sang @ Shaw Parade, Kuala Lumpur**

▶ **WARIS Mendiang Suppiah A/L Perianan, menerima sumbangan pertama RM1,000, menerusi Skim Mesra Usia Emas (SMUE) daripada Adun Hulu Klang, Saari Sungib di Pusat Khidmat Masyarakat DUN Hulu Kelang**

▶ **ADUN Selat Klang, Dr Halimah Ali bersama peserta program SPIES Remaja Cemerlang peringkat DUN Pandamaran di Masjid Kampung Raja Uda. Seramai kira-kira 160 peserta terlibat, bermula dengan program Qiamulai**



▶ **AHLI Parlimen Selayang, William Leong bersama YDP Majlis Perbandaran Selayang (MPS) Mohd Azizi Mohd Zain, memijak botol kosong, Sempena Program Zon Bersih dan Program Pelancaran Pusat Kitar Semula di Pusat Kitar Semula Taman Sri Melati**



▶ **SUMBANGAN kerusi roda oleh Adun Taman Medan, Haniza Talha kepada Mohd Nor Bahiki yang mengidap penyakit diabetes. Beliau, baru sahaja melakukan pembedahan kali kedua dengan memotong lima jari kaki akibat jangkitan**

219 Penduduk Kampung Sri Indah terima geran tanah

OLEH SIRAJ MOHD ZAINI

SUNGAI BULOH - Penantian 219 keluarga dari Kampung Sri Indah A, Paya Jaras, di sini untuk memiliki geran tanah kediaman sejak 20 tahun lalu berakhir apabila kesemua mereka menerima surat hak milikan masing-masing.

Seorang penerima, Abdul Hamid Mustakim, 55, berkata beliau terpaksa menanti sehingga 23 tahun untuk memiliki geran tanah rumah yang didiaminya biarpun isu berkenaan pernah dijanjikan Kerajaan Umno-BN sebelum ini.

"Syukur alhamdulillah, dapat juga akhirnya kerana saya dah penat menunggu. Dulu Umno-BN ada berjanji, termasuk janji semasa pilihan raya, tapi akhirnya Kerajaan Negeri sekarang yang selesaikan," katanya kepada Selangor Kini.

Bagi Kamarulzaman Husin, 49, beliau merasa gembira dan berpuas hati kerana segala janji Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pakatan dan Kerajaan Negeri sekarang telah terbukti.

"Sudah semestinya saya gembira, saya tinggal di kawasan ini lebih 20 tahun, pelbagai pihak datang berjanji itu ini, tapi saya yakin Kerajaan Negeri di bawah pimpinan yang baru mampu selesaikannya," luahnya.

Sementara itu, Yap Kwai

“

Sudah semestinya saya gembira, saya tinggal di kawasan ini lebih 20 tahun, pelbagai pihak datang berjanji itu ini, tapi saya yakin Kerajaan Negeri di bawah pimpinan yang baru mampu selesaikannya

KAMARULZAMAN HUSIN
Penduduk

Loon, 52, beliau berasa terharu kerana isu berkenaan akhirnya dapat diselesaikan kerana terpaksa menunggu selama lebih 23 tahun.

"Dulu wakil MCA ada berjanji untuk menyelesaikannya, tapi saya sudah menunggu terlalu lama, akhirnya dapat juga geran tanah sendiri, terima kasih kepada Adun dan Kerajaan Negeri yang banyak membantu," katanya ceria.

Mereka ditemui ketika majlis penyerahan kelulusan geran yang disampaikan Exco Pelaburan, Perindustrian, Pembangunan Kampung Baharu



Khairuddin menyerahkan geran kepada salah seorang penduduk Kampung Sri Indah sambil diperhatikan R Sivarasa (kanan)

dan Pemutihan Kilang Haram, Ean Yong Hian Wah di Dewan JKKK Kampung Sri Indah A, Paya Jaras, di sini.

Turut hadir, Adun Paya Jaras, Mohd Khairuddin Othman dan Ahli Parlimen Subang, R. Sivarasa.

Sementara itu, Mohd Khairuddin ketika ditemui berkata, sebanyak lima kampung lagi di bawah DUN Paya Jaras masih menunggu geran tanah masing-

masing dan berharap isu berkenaan akan diselesaikan dalam tempoh tiga tahun lagi.

"Pertamanya saya ingin ucapkan terima kasih kepada Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim yang bersungguh-sungguh mempercepatkan segala urusan berkenaan hak milik tanah ini.

"Di DUN Paya Jaras ini terdapat 15 buah kampung dan sebanyak lima buah kampung

masih lagi menunggu dan saya berharap Kerajaan Negeri dapat membantu segala urusan berkenaan supaya semuanya mendapat hak milikan sendiri," katanya.

Kesemua penduduk berkenaan bakal menerima geran tanah selepas menyelesaikan jumlah premium sekurangnya RM1,000 seperti yang disyaratkan oleh Kerajaan Negeri.

Tiada penjualan 'siapa cepat dia dapat'



Pemohon yang ingin membeli rumah di Bukit Botak perlu lalui beberapa proses yang ditetapkan Kerajaan Negeri

SHAH ALAM - Unit rumah berkembar 1 tingkat di Bukit Botak, Selayang, tidak akan dijual secara terus kepada mereka yang hadir di majlis jualan unit-unit berkenaan yang diadakan di Bukit Botak, baru-baru ini.

Pengurus Perhubungan Awam Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Ishak Hashim dalam satu notis memberitahu bahawa Kerajaan Negeri mengarahkan penjualan 'siapa cepat dia dapat' itu dibatalkan serta-merta.

Sebaliknya, PKNS diarah

menggunakan saluran Jawatankuasa Khas Pemilihan, yang dianggotai Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dan PKNS, dengan kerjasama Pejabat Tanah Daerah Gombak.

Jawatankuasa ini akan menyenarai pendek pemohon dan membuat tawaran jualan kepada pemohon yang layak melalui proses temuduga dan kriteria pemilihan tertentu.

"Kerajaan Negeri keluaran arahan di mana PKNS selaku pemaju diminta mendapatkan maklumat pemo-

hon terlebih dahulu," menurut pemberitahuan itu.

Di samping itu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan menjadi saksi manakala Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) sebagai pemerhati," tambah beliau.

Sehubungan itu, orang ramai yang hadir pada majlis jualan tempoh hari diminta mengisi borang permohonan dan mengembalikan semula borang tersebut kepada PKNS untuk diproses mengikut kaedah yang ditetapkan.

Jom Shopping sempena Aidiladha

OLEH SIRAJ MOHD ZAINI

KLANG - Seramai 100 orang penduduk di DUN Sementa, Klang ternyata gembira setelah menerima bantuan Jom Shopping Aidiladha di Pasaraya Econsave Kapar, dekat sini.

Program sempena sambutan Aidiladha ini merupakan kesinambungan program Jom Shopping Aidilfitri yang dilaksanakan Kerajaan Negeri beberapa bulan lalu.

Adun Sementa, Dr Daroyah Alwi, berkata bantuan yang diberikan ini merupakan baki peruntukan Jom Shopping Aidilfitri di beberapa DUN lain yang tidak berjaya dihabiskan menjelang Syawal lalu.

Katanya, Kerajaan Negeri berhasrat mahu menghabiskan semua peruntukan Jom Shopping Aidilfitri lalu dan Sementa menjadi DUN pertama memohon untuk baucer tambahan program berkenaan.

“Kerajaan Negeri mahu habiskan peruntukan Jom Shopping Aidilfitri lalu dan hasil mesyuarat Kerajaan Negeri memutuskan boleh memohon untuk baucer tambahan.

“Jadi, DUN Sementa ambil peluang ini dan beri kepada golongan yang memerlukan untuk sambutan Aidiladha,” katanya.

Sebelum ini, Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim

“

Kerajaan Negeri mahu habiskan peruntukan Jom Shopping Aidilfitri lalu dan hasil mesyuarat Kerajaan Negeri memutuskan boleh memohon untuk baucer tambahan. Jadi, DUN Sementa ambil peluang ini dan beri kepada golongan yang memerlukan

DR DAROYAH ALWI
Adun Sementa



Sutimah Kaslar



Azlinda Basri

mengumumkan peruntukan berjumlah RM2.8 juta kepada 56 DUN di seluruh Selangor untuk program Jom Shopping Aidilfitri.

Dalam pada itu, seorang penerima baucer berkenaan, Sutimah Kaslar, 65, mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang berusaha membantu golongan berpendapatan rendah sepertinya.

“Banyak perubahan dapat dilihat, pelbagai bentuk bantuan dan inisiatif Kerajaan Negeri bagi membantu golongan berpendapatan rendah seperti saya dan ramai lagi yang senasib dengan saya.

“Terima kasih kepada Dr Daroyah dan Kerajaan Negeri yang banyak membantu,” katanya ketika ditemui Selangor Kini.

Bagi Azlinda Basri, 45, pula menyifatkan bantuan ini dapat mengurangkan sedikit beban persediaan menyambut Hari Raya Aidiladha.

“Kita ini orang susah, dengan kenaikan kos harga barang, harga minyak dan pelbagai lagi, bantuan ini sedikit sebanyak dapat juga saya gunakan untuk membeli barangan keperluan dapur,” katanya.



Peserta Jom Shopping gembira dibawa membeli-belah bersama Dr Daroyah



Gaya Hidup Mewah

Kondominium diinspirasi oleh cahaya



Galeri Jualan
PURI Tower
INTEGRATED LIVING
Puchong
N 2 59.312 E 101 37.569

Menikmati kehidupan mewah

- Jaringan Fiber Optik Bersepadu
- Landskap Tropika Modern
- Sistem Keselamatan Berperingkat
- Zon Internet Tanpa Wayar
- 2 Tempat Letak Kereta Setiap Unit
- Kabinet Dapur Kontemporari

Akses Mudah

- 40km ke KLIA
- 10km ke Cyberjaya dan Putrajaya melalui Lebuhraya MEX
- 5km ke IOI Mall, Tesco dan Giant
- Perjalanan ke Subang Jaya dan Shah Alam melalui Lebuhraya KESAS
- Akses ke Lebuhraya NKVE, SKVE, LDP dan lebuhraya penting yang lain

Galeri jualan dibuka dari 10pg - 6ptg setiap hari
www.puritower.com.my

BinaPuri
www.binapuri.com.my

Bina Puri Properties Sdn Bhd
Wisma Bina Puri, 88, Jalan Bukit Jambul, 811 Bukit Jambul,
45100 Subang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Tel: +603-4136 3333 Fax: +603-4136 9999

NTL CONSTRUCTION DE SUN BHD
www.ntl.com.my

TWINS REALTY
www.twinsrealty.com.my

016-559 5168 03-8052 2055

OLEH AFEEQA AFEERA

SHAH ALAM - Peluang buat pelajar tajaan Yayasan Selangor yang tidak mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan untuk memperbaiki kelemahan diri menerusi program 'Second Chance' yang dianjurkan agensi Kerajaan Negeri.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata, program itu bertujuan memberi keyakinan kepada pelajar supaya tidak berputus asa dan berusaha lebih gigih dalam mengecapi kejayaan yang diidamkan.

Program itu juga selaras dengan tanggungjawab Yayasan Selangor untuk membentuk para pelajar di bawah tajaan mereka supaya berjaya dalam aliran pendidikan.

"Kita juga menggalakkan alumni untuk turun padang memberi motivasi kepada pelajar bahawa Yayasan Selangor diwujudkan kerana ingin memajukan setiap pelajar di negeri ini.

"Setiap pelajar yang lemah akan dibantu dan tidak akan dipinggirkan begitu sahaja," katanya semasa merasmikan Majlis Anugerah Kecemerlangan Pendidikan Yayasan Selangor tahun 2012 di Dewan Sri Bestari Intekma Resort and Convention Centre, di sini.

Hadir sama, Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan, Dr Halimah Ali, Exco Kesihatan, Pembangunan Usahawan, Sains Teknologi dan Inovasi, Dr Daroyah Alwi serta Pengurus Besar Yayasan Selangor, Ilham Marzuki.

'Peluang kedua' bantu pelajar baiki kelemahan



Pelajar Harapan, Nadwah Azizah Tamam Azhari menerima trofi daripada Menteri Besar



Yayasan Selangor lahirkan pelajar cemerlang dalam akademik

Pada majlis itu, seramai 204 orang pelajar menerima anugerah atas kecemerlangan mereka dalam peperiksaan akhir tahun, peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) termasuk pelajar tajaan peringkat Sijil, Diploma dan Ijazah.

Beliau berkata, Yayasan Selangor juga

berhasrat untuk menambah bilangan pelajar di masa akan datang dengan menetapkan sasaran sebanyak 10,000 orang berbanding 5,000 pelajar sekarang.

Katanya, Kerajaan Negeri sentiasa memantau yayasan itu supaya menjaga aset dan hartanya dengan baik supaya ia dapat dimanfaatkan lebih ramai pelajar.

"Kita akan pastikan tiada ketirisan dan penyelewengan untuk bangunkan anak-anak Yayasan Selangor yang memerlukan sumbangan dan bantuan dari kita.

"Penjagaan aset yang baik boleh memberi kemudahan kepada pelajar," katanya lagi.

Berjaya kerana disiplin dan persaingan

GOMBAK - Berbekalkan keyakinan dan tuntutan Fardu Kifayah, Hidayah Bakery ditubuhkan oleh seorang usahawan Bumiputera, Timah Mat Noh pada Jun 1998.

Memulakan perniagaan secara sambilan, Timah mengambil keputusan berhenti kerja sebagai ketua jururawat di sebuah hospital kerajaan selepas berkhidmat selama 25 tahun apabila melihat potensi perniagaan yang semakin mendapat sambutan.

Selepas mengharungi jerit perih perniagaan selama 15 tahun, hari ini Timah boleh tersenyum gembira dengan pencapaian yang dimiliki sehingga mampu memiliki empat lot kedai bakeri bertempat di Apartment Harmoni, Kampung Tengah Gombak.

"Hidayah Bakery bermula di rumah pada Jun 1998, dengan modal RM50,000 dan sebuah



kedai sahaja," katanya kepada Selangor Kini.

Berkonsepkan makanan halal, perniagaan Hidayah Bakery kini berkembang kepada pembuatan

kerepek, peralatan membuat kek dan makanan sejuk beku dan mampu menggajikan 16 pekerja.

Tegas Timah, amalan disiplin yang dipelajari ketika menjadi

kakitangan awam digunakan sehingga kini sebagai kunci kejayaan perniagaan.

"Pengalaman semasa 15 tahun bukan mudah. Saya mulakan



Timah Mat Noh

Pekerja Hidayah Bakery, menunjukkan cara-cara menghias kek kepada Shamsidar dan peserta program

kerja pada jam 6.30 sehingga 10 malam dengan bantuan seorang pembantu.

"Semua kerja saya buat bermula di dapur, membersihkan kedai, pemasaran sehingga urusan akaun. Pesanan saya kepada Usahawan IKS, tidak ada kejayaan yang diperoleh dengan mudah.

"Kunci utama adalah ikhlas dan jujur serta sanggup bekerja keras.

Dalam program Lawatan Sambil Belajar Kumpulan Wanita Kampung Kerdas dan Daerah Gombak yang dihadiri hampir 40 orang peserta, dirasmikan Shamsidar Taharin, isteri kepada Ahli Parlimen Gombak, Azmin Ali.

Turut diadakan demonstrasi menghias kek dan peserta turut berpeluang membeli-belah dengan pemberian kupon bernilai RM30

Permohonan MyKad terabai walau JPN sokong

OLEH HAFIZAN TAIB

KUALA KUBU BHARU - Kementerian Dalam Negeri (KDN) diminta meluluskan permohonan seorang warga emas untuk mendapatkan taraf kerakyatan dengan MyKad biru kerana dia didakwa memenuhi segala kelayakan ditetapkan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kuala Kubu Bharu, Lee Kee Hiong, berkata Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Hulu Selangor juga menyokong permohonan Hong Lee Lon itu.

Beliau berkata, wanita berusia 75 tahun yang juga ibu kepada 12 anak dan 20 cucu itu lebih tiga kali permohonan MyKad biru, tetapi ditolak KDN tanpa sebarang alasan.

"Pegawai JPN Hulu Selangor juga kasihan, mereka pun kenal dia. Mereka kata sokong dan permohonannya sudah dihantar ke KDN Putrajaya untuk diproses.

"Jadi, saya akan bawa Lee Lon ke KDN Putrajaya dengan harapan mereka mempercepat permohonannya," kata beliau pada sidang media di sini, baru-baru ini.

Kee Hiong berkata, kali terakhir Lee Lon membuat permohonan ialah pada 7 Mac lalu dan berharap proses kali ini dijalankan dengan cepat.



Lee Kee Hiong membincangkan sesuatu dengan Chan Yaw Pun (kiri) sambil diperhatikan ibunya, Hong Lee Lon

"Bila ditanya proses berapa lama, dimaklumkan dalam satu atau dua tahun. Saya rasa tak perlulah begitu lama. Sekarang zaman teknologi maklumat. Kita harap sebelum Tahun Baru Cina 2014, dapat MyKad biru," katanya.

Difahamkan, Lee Lon yang lahir di

Perak dan menetap di sini sejak puluhan tahun hanya berstatus kerakyatan tetap dengan memiliki MyKad merah.

Anak sulungnya, Chan Yaw Pun, 57, juga berharap permohonan ibunya untuk mendapatkan taraf kewarganegaraan dengan MyKad biru akan dipenuhi kali ini.

Peningkatan denggi dipantau

KAPAR - Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan Jabatan Kesihatan Selangor dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi memantau peningkatan wabak denggi yang semakin meningkat di Selangor.



Jawatankuasa penduduk turut dipanggil untuk berbincang mengenai perkara ini supaya mengendalikan gotong-royong pembersihan kawasan kediaman, selain melakukan pemeriksaan di premis perniagaan

DR DAROYAH ALWI
Exco Kesihatan

Exco Kesihatan, Pembangunan Usahawan, Sains, Teknologi dan Inovasi, Dr Daroyah Alwi berkata, setakat ini Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) terlibat dalam usaha memerangi wabak ini.

"Kita faham peningkatan kes denggi di Selangor dan sekarang ini PBT yang terlibat antaranya MBSA dan MPKj.

"Ini mungkin disebabkan sampah dan kawasan yang tidak bersih, longkang tersumbat dan keadaan cuaca.

"Jadi pihak Jabatan Kesihatan dan PBT sentiasa pantau dan kenal pasti tempat-tempat tumpuan denggi," katanya kepada Selangor Kini.

Sehubungan itu, jawatankuasa penduduk turut dipanggil untuk berbincang mengenai perkara ini supaya mengendalikan gotong-royong pembersihan kawasan kediaman, selain melakukan pemeriksaan di premis perniagaan.

"Selain itu pihak PBT akan memberikan kompaun kepada premis-premis yang didapati mempunyai jentik-jentik," katanya lagi.

Jabatan Kesihatan Negeri Selangor melaporkan, terdapat 11,498 kes dilaporkan setakat 5 Oktober lepas iaitu peningkatan 61.74% berbanding 7,109 kes bagi tempoh sama tahun lepas.

Sebanyak 14 kematian akibat denggi dicatatkan tahun ini berbanding 11 kes bagi tempoh sama pada 2012.

Sebanyak 230 lokaliti wabak dilaporkan di seluruh Selangor dengan 75 lokaliti (32.6%) daripadanya di daerah Petaling, 71 lokaliti (30.9%) di Hulu Langat dan 44 lokaliti (19.1%) di daerah Gombak.

Jabatan itu dalam kenyataan menyatakan terdapat 16 lokaliti wabak tidak terkawal dan 22 lokaliti 'hotspot' atau wabak berlarutan di Selangor.

Talian Hotline Kutipan Sampah

Anda mahu buat aduan sampah yang tidak dikutip dan longkang tersumbat di kawasan komuniti, di mana anda tidak tahu ke mana dan siapa yang perlu dilaporkan?

Kami sediakan talian bebas tol 1800 88 2824.

Talian ini beroperasi 24 jam atau terus ke nombor PBT seperti yang tertera di bawah.

MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA (MPAJ)

Tel : 03-4296 8000;

Hotline : 1 -800-22-8100

Laman Web: www.mpaj.gov.my

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR (MDHS)

Tel : 03-6064 1331

SMS : taip "mdhs aduan" hantar ke 15888. untuk semak aduan,status,taip 'mdhs semak'

hantar ke 15888

Laman Web: www.mdhs.gov.my

MAJLIS PERBANDARAN KLANG (MPK)

Kutipan Sampah

Klang Utara: 016-2720406 (Kamachy); Klang

Selatan: 016-2506796 (Razif)

Pembersihan awam (Jalan dan Longkang)

Klang Utara : 019-2245387 (Haji Nasirun);

Klang Selatan: 016-3824471(Loganathan)

Talian: 03-3372 4820 / 6781 /

1-800-88-23826 (Toll-free)

Laman web: www.mpklang.gov.my

MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT (MDKL)

Tel: 03-3187 2825

SMS: Taip "MDKLADUAN < aduan >" dan hantar kepada 15888.

Laman web: www.mdkl.gov.my

MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (MDKS)

Tel: 03-3289 1439

Laman web: www.mdks.gov.my

MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM (MDSB)

Tel: 03-3224 1655 / 1000

Laman web: www.mdsb.gov.my

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG (MPS)

Tel: 03-6126 5800 / 6120 4903 / 04 / 05 / 06

Laman web: www.mps.gov.my

MAJLIS PERBANDARAN SEPANG (MPSP)

Tel: 03-8319 0200 / 0300

Laman web: www.mpsepang.gov.my

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM (MBSA)

Tel: 03-5510 5461 / 03-5513 0878

Website: www.mbsa.gov.my

MAJLIS PERBANDARAN

SUBANG JAYA (MPSJ)

Tel: 03-8026 3131 / 5637 6545

Laman web: www.mpsj.gov.my

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA (MBPJ)

Tel: 03-7954 2020 (24-jam hotline) /

03-7956 3544 (am)

SMS: Taip "MBPJADUAN [aduan]"

dan hantar ke 33213

Laman web: www.mbpj.gov.my

MAJLIS PERBANDARAN KAJANG (MPKJ)

Tel: 87377899

Hotline: 1-800-88-6755

Emel: aduan@mpkj.gov.my

Laman Web: www.mpkj.gov.my



Kerajaan Negeri bantu keluarga C Sugumar

OLEH AFIX REDZUAN

HULU LANGAT - Kerajaan Negeri menghulurkan bantuan sebanyak RM10,000 kepada keluarga C Sugumaran yang meninggal dunia semasa di tahan polis.

Sumbangan diserahkan Exco Kebajikan dan Hal Ehwal Wanita, Rodziah Ismail kepada ibu mendiang Sugumaran, Manai-

galai Kuppamuthu, baru-baru ini di kediaman keluarga mangsa di Taman Sri Nanding.

Kunjungan Rodziah ditemani Adun Dusun Tua, Razaly Hassan.

"Saya gesa Menteri Dalam Negeri berhati-hati dan bersifat perikemanusiaan bila bercakap mengenai isu keselamatan dan nyawa rakyat.

"Apakah menteri memikir-



Rodziah, bertanya khabar ibu Mendiang C Sugumaran, dengan ditemani Razaly

kan nyawa di tangan beliau sehinggakan mengeluarkan kenyataan 'kalau berlaku begini, kita tembak dahulu?'

"Apakah dengan tembak itu penyelesaian terbaik?" soalnya.

"Bagi saya pembelaan kepada rakyat adalah bilamana kesaksamaan itu dilakukan tidak kira beliau itu siapa, kalau pihak itu salah, tampilkan ke muka pengadilan supaya dapat dibuktikan dengan sewajarnya," katanya.

Rodziah berkata, Pejabat DUN Sungai Tua dicadang menguruskan pendaftaran ibu mangsa di bawah Skim Mesra Usia Emas (SMUE).

Sementara itu, sepupu mendiang Sugumaran, K Anantha Kannan yang ditemui berharap mereka yang bertanggungjawab terhadap kematian mendiang dibawa ke muka penga-

dilan dan didakwa di bawah Seksyen 302.

"Polis dapatkan semua dokumen lama, yang mengatakan dia pesakit psikiatri untuk mengaibkan mendiang C Sugumar. Kita rasa macam terhina sebab ini salah polis," kata Anantha dengan nada sedih.

Menurutnya, sekatat ini kes belum difailkan di mahkamah sivil dan pihak keluarga menolak inkuies yang dilakukan polis.

"Polis sudah gari, kemudian palit serbuk kari dekat muka dia. Dia jatuh dan orang berhampir-an kedai kopi datang pukul.


Polis hanya perhatikan sahaja. Setakat ini hanya satu saksi disoal di Mahkamah Majistret Kajang," katanya.

Katanya lagi, terdapat beberapa saksi yang akan dipanggil untuk memberikan keterangan pada pendengaran kes selepas Hari Raya Aidiladha.

Sugumar, seorang pengawal keselamatan ditahan Januari tahun ini selepas didakwa mengalami masalah mental dan merosakkan harta awam.


Bedah siasat melaporkan beliau meninggal kerana sakit jantung, namun saksi semasa penahanan itu mendakwa seorang anggota polis memijak leher mendiang semasa digari.


Gambar kejadian juga menunjukkan wajah mangsa dipalit serbuk kunyit. Saksi mendakwa kira-kira 20 orang dari restoran berhampiran turut membantu polis menahan dan kemudian membelasah mendiang beramai-ramai.



UNTUK DIJUAL

72 UNIT KEDAI PEJABAT 4 TINGKAT (SIAP DENGAN CCC)





Lokasi: Perdana Industrial Park terletak di Northport, Klang yang dihubungkan terus melalui Lebuhraya Shahpadu; Northport adalah pelabuhan pelbagai guna terbesar & strategik di Malaysia.	Keluasan	Lot Tengah	Lot Tepi
		5,460 kp	9,758 kp
Jaringan Pengangkutan: Dihubungkan melalui Lebuhraya Shahpadu & Persekutuan; Lebih kurang 15 minit daripada Shah Alam, pusat industri negara; Lebih kurang 25 minit daripada Petaling Jaya.	Keluasan Keseluruhan (72 unit) : 410,310 kp		
Kejiranan: Perdana Industrial Park terletak di dalam kejiranan Taman Perindustrian BSS2 ('Taiwanese Village'), sebuah kawasan perindustrian & pergudangan yang sibuk dan pesat membangun.	99 tahun pajakan berakhir 28.03.2095		
	Harga permintaan : RM34.57 juta		
	Pertanyaan : 03-5522 3803/3815		
	Hj. Farid Ismail +6019 - 286 5073	Azlan Ismail +6012 - 231 3517	

“

Polis telah mendapatkan semua dokumen yang lama mengatakan dia pesakit psikiatri untuk mengaibkan mendiang C Sugumar. Kita rasa terhina sebab ini salah polis

K ANANTHA
Sepupu Mendiang



Menteri Besar bersama penduduk Pendamar melihat lembu yang akan dikorbankan sempena Hari Raya Aidiladha

MB: Latih belia baik pulih kapal terbang

OLEH NAEEM RAFFI

KLANG - Kerajaan Negeri akan menganjurkan program latihan penyelenggaraan dan baik pulih peralatan mekanikal kapal terbang kepada golongan belia di luar bandar.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata program tersebut bertujuan memberi pendedahan kerjaya baru selain mempertingkatkan keupayaan kemahiran di kalangan belia.

"Ia bukan sahaja memberi kemahiran tambahan, malah mem-

“

Dengan sijil yang mereka peroleh dalam latihan itu nanti, mereka berpeluang bekerja dengan syarikat-syarikat penyelenggaraan kapal terbang

ABDUL KHALID
Menteri Besar

bantu membuka peluang pekerjaan dengan nilai pendapatan yang bagus buat belia Selangor.

"Dengan sijil yang mereka peroleh dalam latihan itu nanti, mereka berpeluang bekerja dengan syarikat-syarikat penyelenggaraan kapal terbang," ujarnya.

Beliau berkata demikian kepada Selangor Kini, selepas menyampaikan sumbangan lembu korban 2013 dalam satu majlis ringkas di Masjid Kampung Pendamar dekat sini, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Abdul Khalid berkata, Kerajaan Negeri sedang bekerjasama dengan sebuah syarikat dari Switzerland bagi tujuan itu.

"Syarikat dari Switzerland ini akan mula beroperasi Januari tahun hadapan.

"Syarikat ini memiliki sebuah bangunan di Shah Alam dan kelulusan berkaitan latihan ini dijangka akan diluluskan pada November depan," jelasnya.

Beliau menambah, Kerajaan Negeri akan berurusan dengan semua ketua kampung seluruh Selangor untuk menjejaki belia-belia yang berpotensi untuk dibangunkan dalam program itu.

"Kita akan adakan perjumpaan dengan semua ketua-ketua kampung supaya ketua-ketua kampung ini dapat mencadangkan belia-belia yang masih belum mendapat pekerjaan untuk diserapkan ke dalam program ini," jelasnya.

WAKTU SOLAT SELANGOR							
18 - 25 OKTOBER 2013							
13 - 20 ZULHIJAH 1434H							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
18 Jumaat	5:31	5:41	6:58	1:01	4:18	7:01	8:11
19 Sabtu	5:31	5:41	6:58	1:01	4:18	7:01	8:10
20 Ahad	5:31	5:41	6:58	1:01	4:18	7:00	8:10
21 Isnin	5:31	5:41	6:58	1:01	4:18	7:00	8:10
22 Selasa	5:31	5:41	6:58	1:01	4:18	7:00	8:10
23 Rabu	5:31	5:41	6:58	1:00	4:19	7:00	8:10
24 Khamis	5:31	5:41	6:58	1:00	4:19	7:59	8:10
25 Jumaat	5:30	5:40	6:58	1:00	4:19	7:59	8:10
Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
18 Jumaat	5:33	5:43	7:00	1:03	4:20	7:03	8:13
19 Sabtu	5:33	5:43	7:00	1:03	4:20	7:03	8:12
20 Ahad	5:33	5:43	7:00	1:03	4:20	7:02	8:12
21 Isnin	5:33	5:43	7:00	1:03	4:20	7:02	8:12
22 Selasa	5:33	5:43	7:00	1:03	4:20	7:02	8:12
23 Rabu	5:33	5:43	7:00	1:02	4:21	7:02	8:12
24 Khamis	5:33	5:43	7:00	1:02	4:21	7:01	8:12
25 Jumaat	5:32	5:42	7:00	1:02	4:21	7:01	8:12

MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR (MES)

TABUNG WARISAN ANAK SELANGOR
Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)
A1-11-2 & A1-11-3 Jalan Multimedia 7/AH, Park City, I-City, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03-5521 8740 atau 03-5521 8741,
Faks : 03-5521 8742 atau 03-5521 8743

SKIM MESRA USIA EMAS
Rangkaian Mesra Sdn Bhd, Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan, No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam
Tel : 03-55103468 /3472, Faks: 03-55103455
emel: mesrausiaemas@gmail.com

HADIAH ANAK MASUK IPT Pejabat Setiausaha Kerajaan Selangor Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Tingkat 3, Bangunan S.S.A.A.S, 40503 Shah Alam
Tel: 03-55447385 atau 03-55212275 Faks: 03-55104095 atau 03-55110659

PROGRAM PENINGKATAN HASIL BATUAN DAN GALIAN
Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. Tingkat 5, Bangunan Darul Ehsan, No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000, Shah Alam, Selangor
Tel : 03-5518 7735 , Faks : 03-5518 7736
email : info@semesta.com.my
Laman Web : www.semesta.com.my

TABUNG PENDIDIKAN ANAK PEKERJA LADANG
Pejabat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor, Tingkat 5, Bangunan SSAAS, 40503 Shah Alam
Tel : 03-5544 7306 atau 03-5512 3618.
Faks : 03-5510 6678

PUSAT KHIDMAT KRISIS SEHENTI (OSCC)
Exco Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains Teknologi dan Inovasi Tel : 03-5519 4346 atau 03-5544 7622.
Faks : 5519 3304

SKIM KESIHATAN WANITA
Rangkaian Mesra Sdn. Bhd. Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan, No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam
Tel: 03-55103468 / 3472. Faks: 03-55103455
Laman Web <http://www.e-mesra.org.my>

PROGRAM MIKROKREDIT MISKIN BANDAR (MIMBAR)
Mimbar Selangor, A23, Pusat Perniagaan Jubli 20, Jalan Singa J20/J, Seksyen 20, 40300 Shah Alam, Selangor
Tel: 03-55413616. Faks: 03-55413617
Laman Web <http://www.mimbarselangor.org>

SKIM MIKROKREDIT SELANGOR
Yayasan Dar al Qard al Hasan Selangor, Tingkat 2, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 4000, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-55447104/ 03-55191692/ 03-55212312
Fax : 03-551055829 Laman Web <http://www.skimsel.com>

PUSAT DIALISIS RAKYAT
Rangkaian Mesra Sdn. Bhd. Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan, No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam
Tel: 03-55103468 / 3472. Faks: 03-55103455
Laman Web <http://www.e-mesra.org.my>

PUSAT TUISYEN RAKYAT
Unit Pendidikan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Tingkat 3, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40000 Shah Alam, Selangor
Tel: 03-5544 7480/7481/7482/7543
Faks: 03-55104095/ 55135564/ 55447391
Blog <http://tuisyenrakyat.blogspot.com>

INSENTIF PERKAHWINAN BELIA
Seksyen Sektor
Unit Perancang Ekonomi Negeri, Tingkat 5, Bangunan SSAAS, 40503, Shah Alam
Tel : 03-5544 7920/7921



Selangor cadang lima nama lantik senator OKU

OLEH HAFIZAN TAIB

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor akan mencadangkan nama beberapa individu profesional dari kalangan Orang Kelainan Upaya (OKU) yang layak untuk dilantik sebagai Senator Dewan Negara.

Exco Kebajikan dan Hal Ehwal Wanita, Rodziah Ismail berkata, ia selaras dengan kehendak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang mencadangkan beberapa nama untuk membawa suara golongan OKU ke Dewan Negara.

"Saya harap kementerian ambil kira pandangan rakyat Selangor kerana walaupun 10 peratus penduduk negara ini OKU, sejumlah besar datang dari Selangor," katanya pada sidang media di sini.

Baru-baru ini, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Rohani Abdul Karim berkata, kerajaan bersetuju melantik seorang Senator Dewan Negara daripada kalangan OKU.

Rodziah berkata, pelantikan Senator OKU wajar dan dinan-



Ahli Dewan Negara di kalangan OKU dapat bantu memberdayakan golongan mereka kerana dapat mengetengahkan sensitiviti dan isu dengan lebih berkesan.

ti-nantikan sejak terhenti pada 2009 dan ia diterima sebagai usaha legislatif ke arah mengarus perdana golongan berkenaan.

Beliau berkata, ia membantu memberdayakan golongan OKU berikutan Ahli Dewan Negara di kalangan mereka dapat mengetengahkan sensitiviti dan isu dengan lebih berkesan.

Katanya, Senator OKU wajar disediakan kemudahan semampai supaya boleh memainkan peranan dengan berkesan selain diberi peruntukan kakitangan mencukupi dan kenderaan sesuai.

"Isu pembelaan OKU selama ini hanya dalam kerangka memberi elaun saraan atau seum-

pamanya. Tentunya belum memadai untuk menjamin masa depan mereka.

"Walaupun ada peraturan dan akta yang menjaga kepentingan OKU, pelaksanaan dan penguatkuasaannya jauh dari memuaskan," katanya.

Allahyarham Senator Datuk Dr Ismail Md Salleh, seorang

“

Saya harap kementerian ambil kira pandangan rakyat Selangor kerana walaupun 10 peratus penduduk negara ini OKU, sejumlah besar datang dari Selangor

RODZIAH ISMAIL
Exco Kebajikan

pakar ekonomi lulusan Doktor Falsafah (PhD) yang cacat penglihatan adalah Senator Dewan Negara pertama yang dilantik dari kalangan OKU.

Beliau dilantik pada 18 Disember 2007 ketika pentadbiran Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi dan meninggal dunia pada 27 Ogos 2009.

Agih 753 lembu korban ke seluruh negeri

SABAK BERNAM - Kerajaan Selangor menyumbang 753 lembu bernilai RM2,259,000 untuk diagih ke setiap daerah, masjid dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) di seluruh negeri.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata lembu yang setiap satu seberat 200 kilogram itu

diperoleh daripada penternak tempatan termasuk PKPS Livestock Farm Sdn Bhd dan sebahagian lagi diimport dari Thailand.

Ia dibiayai Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Permodalan Negeri Selangor Bhd (PNSB), Worldwide Holdings (WHB), Kumpulan Darul Ehsan Bhd

(KDEB), Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB), Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) dan Perbadanan Menteri Besar (MBI).

Sempena Aidiladha, katanya, PKPS diamanahkan untuk menguruskan pengagihan yang dijadual bermula serentak di semua daerah.

"Antara pemantauan PKPS

ialah membuat tagging pada setiap lembu bagi mengelakkan tidak berlaku penukaran di lokasi penghantaran.

Tugas memantau dilaksanakan 28 kakitangan PKPS," katanya

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Penyerahan Lembu Korban 2013 di Ladang PKPS Jelutong Jati,

selain turut meninjau ladang lembu yang dibangunkan PKPS.

Turut hadir ialah Pengerus Besar Kumpulan PKPS, Ali Ahmad, Exco Hal Ehwal Islam, Permodalan Pertanian dan Pembangunan Desa, Sallehen Mukhyi, Exco-exco serta pimpinan Kerajaan Negeri.